

Bill O'Reilly angkuh, jahil dan tidak faham Asia Tenggara - Anwar

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membidas kenyataan pengulas politik konservatif Amerika Syarikat (AS), Bill O'Reilly yang mendakwa Asia Tenggara 'tiada wang', sambil menyifatkan ia sebagai satu pandangan yang angkuh dan jahil.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kenyataan itu bukan sahaja menunjukkan kejahilan O'Reilly terhadap realiti semasa Asia Tenggara, tetapi turut mencerminkan pemikiran sempit yang dipengaruhi sentimen perkauman dan ideologi penjajah.

"Ini satu gambaran sikap ekstrem keangkuhan sesetengah orang yang sebenarnya dangkal ilmu, jahil dan anggap hanya kelompok atau negara dia sahaja yang paling berjaya.

"Dalam sains sosial, ini disebut sebagai pemikiran yang terperangkap... pemikiran yang terbawa-bawa dengan sikap imperialis menyebabkan ada sikap xenophobia, anti-kaum lain dan Islamophobia," katanya kepada media selepas menghadiri majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Kewangan di sini



Anwar (tengah) dan Dr Wan Azizah berswafoto bersama warga kerja Kementerian Kewangan pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2025/1446H Peringkat Kementerian Kewangan pada Jumaat.

pada Jumaat.

Sebelum ini dalam satu segmen videonya, O'Reilly mendakwa rakyat Malaysia tidak mempunyai wang dan tidak relevan sebagai rakan dagang kepada China.

Kenyataan itu dibuat ketika beliau mengulas mengenai lawatan Presiden China, Xi Jinping ke Malaysia, Vietnam dan Kemboja baru-baru ini.

Xi Jinping kini berada di Kemboja selepas menamatkan lawatan negara selama tiga hari ke Malaysia, yang merupakan kunjungan rasmi keduanya ke negara ini sejak 2013, yang menyaksikan kedua-dua negara menaik taraf hubungan diplomatik kepada Perkongsian Strategik Komprehensif.

Sementara itu, Perdana Menteri menzahirkan peng-

hargaan atas komitmen kukuh yang ditunjukkan Pengerusi Majlis Pentadbiran Negara (SAC) Myanmar, Jeneral Kanan Min Aung Hlaing dan pemimpin Kerajaan Perpaduan Nasional (NUG) Myanmar, Mahn Win Khaing Than terhadap bantuan kemanusiaan dan usaha pemulihan di negara itu.

"Semangat SAC dan NUG menunjukkan bahawa keutamaan harus diberikan kepada usaha kemanusiaan, pembinaan semula, sementara mereka melakukan apa sahaja yang perlu bagi mengelakkan pertempuran berlanjutan.

"Jadi, saya mengambil semangat itu. Saya sangat gembira dan berterima kasih kepada mereka, terutamanya SAC yang memberikan pendirian tegas untuk memastikan pasukan kita, masyarakat sivil dan tentera yang memberikan bantuan akan diberikan jaminan jelas bahawa misi ini akan berlangsung dengan aman," ujarnya.

Terdahulu, kedua-dua pemimpin (daripada SAC dan NUG) berikrar untuk melanjutkan gencatan senjata di negara itu dan memastikan keselamatan

para petugas kemanusiaan susulan gempa bumi dahsyat pada bulan lepas.

Anwar berkata, pemimpin berkenaan memberikan jaminan dalam perbincangan berasingan beliau dengan kedua-dua pihak semasa lawatan kerja ke Thailand. - *Bernama*

Ek ELEH

